



Keadilan polisi ke arah integrasi nasional di Malaysia: Persepsi generasi baharu

Dzuhailmi Dahalan¹, Haslinda Abdullah¹, Sulaiman Md. Yassin¹

¹Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia

Correspondence: Dzuhaulmi Dahalan (email: dzuhailmi@upm.edu.my)

Abstrak

Pembinaan bangsa dan daya saing nasional dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia amat bergantung kepada dasar integrasi nasional yang dapat dilihat dan ditanggapi sebagai adil oleh semua kelompok etnik yang terlibat. Artikel ini membincangkan tanggapan belia Malaysia masa kini terhadap persoalan keadilan dasar integrasi nasional ini. Persepsi 600 belia Malaysia yang dipilih secara rawak dari pelbagai etnik yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi (IPT) di Lembah Klang disukat menerusi survey di lapangan dengan nilai alpha 0.831. Kajian mendapati reaksi yang positif telah ditunjukkan dalam kalangan belia di Malaysia berhubung praktis keadilan polisi ke arah pengukuhan integrasi nasional. Kajian juga mendapati kecenderungan responden untuk menilai secara positif ataupun sebaliknya tentang keadilan polisi dari segi praktis ke arah integrasi nasional dan kecenderungan tersebut tidak mempunyai perkaitan langsung dengan beberapa pemboleh ubah demografi terpilih (umur, etnik, tempat dibesarkan, pendidikan ibubapa) yang dikaji. Ringkasnya, persepsi generasi baharu di Malaysia terhadap perjalanan polisi awam memerlukan penilaian kritis dan kreatif oleh pihak kerajaan jika matlamat pengukuhan integrasi nasional benar-benar ingin dijayakan.

Katakunci: dasar integrasi nasional, keharmonian sosial, pembinaan bangsa, Malaysia, masyarakat majmuk, persepsi belia

Justice and the Malaysian policy for inculcating national integration: Perceptions of the new generation

Abstract

Moulding nation building and national competitiveness in a plural society such as Malaysia relies heavily on policies of national integration which are seen and perceived as just by the various ethnic groups concerned. This article discusses the perceptions of the Malaysian youth regarding this justice issue. The perceptions of 600 multi-ethnic Malaysian youths comprising students from secondary schools and higher education institutions (HEIs) in the Klang Valley were gauged using a survey instrument with alpha value of 0.831. The study found positive perceptions of justice among the youths, and that these perceptions bore no direct relationships with a number of selected demographic variables (age, ethnicity, place of origin, parental education). In sum, the perceptions of the new generation in Malaysia with regard to national policies for national integration call for critical and creative assessments by the government if the policies' objective of national integration is to be truly achieved.

Keywords: Malaysia, national integration policies, nation building, plural society, social harmony, youth perceptions

Pengenalan

Pelaksanaan sesuatu polisi sering menarik perhatian pelbagai lapisan dalam masyarakat. Ahmad Atory (2008) menegaskan polisi merupakan proses, siri, bentuk tindakan atau keputusan kerajaan yang dicipta untuk mengatasi beberapa masalah awam, sama ada benar atau imaginasi. Sarjana seperti David Easton (Easton, 1957) melihat polisi sebagai kesan daripada aktiviti kerajaan. Anderson (2000) pula menjelaskan bahawa pelaksanaan dan perkembangan polisi awam dikaitkan dengan pengetahuan tingkah laku politik dan tindakan kerajaan. Asasnya, polisi dirangka dengan agenda dan matlamat tertentu. Thomas (2007) melihat polisi awam sebagai apa sahaja pilihan kerajaan untuk berbuat sesuatu atau tidak mahu melaksanakan sesuatu. Justeru itu, polisi awam merupakan siri tindakan yang bermatlamat yang digubal oleh aktor politik seperti Perdana Menteri, jemaah menteri, elit politik dan para pentadbir (Ahmad Atory, 1998).

Matlamat pembentukan polisi

Kerajaan berperanan penting dalam menentukan polisi pembangunan negara. Musgrave (1973) mengutarakan tiga fungsi utama kerajaan, iaitu fungsi peruntukan, agihan dan kestabilan. Dalam meningkatkan integrasi nasional, kerajaan memerlukan satu rangka polisi (dasar awam) yang ideal. Polisi yang dirangka perlu hampir kepada kehendak majoriti, tanpa meminggirkan keperluan minoriti, bahkan ia boleh dirasakan sebagai milik semua dan diagungkan (Dzuhailmi et al., 2011). Ahmad Atory dan Malike Brahim (2004) menjelaskan pelaksanaan polisi awam adalah bagi maksud perpaduan, integrasi kaum dalam bidang ekonomi, sosial, pembangunan dan pendidikan.

Kerajaan telah merangka dan memberi penekanan kepada beberapa polisi dalam bidang sosioekonomi yang menjurus kepada pemupukan perpaduan dan integrasi nasional seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pembangunan Negara, Dasar Wawasan Negara dan Dasar Sosial Negara (Dzuhailmi et al., 2009). Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1971 misalnya, mempunyai matlamat tersurat bagi mencapai perpaduan negara dan integrasi nasional melalui dua strategi. Pertama, mengurangkan dan akhirnya membasmi kemiskinan dengan meningkatkan pendapatan serta menambah peluang-peluang pekerjaan untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Kedua, penstrukturan semula masyarakat bagi mewujudkan keseimbangan ekonomi antara kaum di Malaysia dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Polisi (dasar), strategi dan matlamat pembangunan negara secara jelas dinyatakan dalam Pelan Rancangan Jangka Panjang, Sederhana dan Pendek. Contohnya, DEB (1971-1990) termaktub dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1), Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) termaktub dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2), manakala Dasar Wawasan Negara (2001-2010) termaktub dalam Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3). Sungguhpun terdapat pandangan pesimis yang melihat polisi awam seperti DEB misalnya, gagal dalam menepati sasarannya, namun secara umum, kandungan yang dibentangkan serta pelaksanaan polisi ini serta polisi awam lain sebelum ini dilihat sedikit sebanyak menyumbang kepada kemakmuran serta keharmonian masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Reaksi generasi baharu

Pelaksanaan polisi (dasar) *laissez-fair* yang diperkenalkan British, kemudian diteruskan kerajaan Tanah Melayu selepas merdeka, walaupun dilihat berjaya menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara, namun ketidakseimbangan sosial yang tidak dapat diatasi dalam masyarakat berbilang kaum melalui dasar ini telah mengheret negara ke tragedi 13 Mei 1969. Menurut Ahmad Atory (2008), polisi yang

bermasalah adalah sebagai satu situasi yang mengeluarkan keperluan atau ketidakpuasan di pihak sebahagian orang yang mana pembetulan atau penjelasan diperlukan.

Yang pasti, pelaksanaan polisi memberi impak yang besar kepada keseimbangan sosial. Menurut Mansor Mohd Noor (2005) konflik perkauman yang berlaku seperti pada 13 Mei 1969, Insiden Kampung Rawa 1977 dan Insiden Kampung Medan 2001 adalah kerana ketidakseimbangan pembangunan dan tadbir urus kerajaan; ketidaksamarataan di antara kaum dan wilayah negara; kemiskinan bandar dan keterpinggiran rakyat daripada perkhidmatan kerajaan. Kebelakangan ini pula wujud satu lagi bentuk ketidakseimbangan yang agak membimbangkan, iaitu ketidakseimbangan pandangan tentang dasar kerajaan dalam kalangan belia. Segolongan belia cenderung menimbulkan unsur penentangan terhadap polisi kerajaan tentang keadilan sosial. Kewujudan golongan penentang yang banyak didominasi oleh generasi muda, juga merupakan kumpulan majoriti dalam negara, adalah signifikan. Ini kerana golongan belia sangat berpengaruh, mereka yang sepatutnya bertindak menjayakan polisi kerajaan, sebaliknya bertindak menentang polisi pemerintah.

Generasi muda khususnya belia adalah aset kepada sesebuah negara. Asnarulkhadi (2009) menyatakan secara demografi, belia adalah kumpulan penduduk yang berada dalam lingkungan umur 15-40 tahun. Namun takrifan ini dilihat berbeza menurut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang mentakrifkan belia sebagai individu yang berumur 15 hingga 25 tahun. Walau bagaimanapun, had umur belia yang baharu bagi Malaysia adalah 15 hingga 30 tahun bermula pada tahun 2018 (Utusan Malaysia, 18 November 2014). Golongan belia adalah signifikan dari segi angka dan jika diterjemahkan kepada sumber tenaga, mereka berpengaruh secara positif kepada pembentukan negara baik dari aspek politik (pengundi), sosial (perpaduan) mahupun ekonomi (modal insan). Berdasarkan statistik penyiasatan Tenaga Buruh Jabatan Perangkaan Malaysia (2013), terdapat sejumlah hampir lima juta belia di Malaysia, iaitu penduduk yang berumur 15 hingga 30 tahun yang terlibat aktif dalam bidang ekonomi. Daripada jumlah tersebut 1,201,400 orang terlibat sebagai pekerja perkhidmatan dan penjualan; 580,900 orang pekerja sokongan dan perkeranian; 494,400 orang merupakan juruteknik dan profesional bersekutu; 688,600 orang terlibat dengan pekerjaan asas; 547,500 orang pekerja berkemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; 412,400 orang pekerja profesional; 671,100 orang operator loji, mesin dan pemasangan; 99,800 orang terlibat sebagai pengurus atau mengetuai syarikat; dan 265,500 orang adalah pekerja mahir dalam bidang pertanian, perhutanan dan perikanan. Memandangkan belia adalah kumpulan majoriti penduduk Malaysia (Mohd. Jamil, 1994) dan secara ekonomi serta sosialnya sangat aktif, impak pelaksanaan sesuatu polisi begitu dekat dengan denyut nadi mereka.

Apabila sesuatu polisi awam digubal, kesan pelaksanaannya pasti akan berlaku kepada golongan belia pada masa akan datang, walaupun tidak pada masa sekarang. Satu tinjauan nasional yang melibatkan 1,508 orang responden, mendapati bahawa sebanyak 36 peratus golongan belia di Malaysia mengesahkan bahawa mereka 'kadangkala' berbincang mengenai isu-isu semasa dan polisi kerajaan dan 11 peratus pula mengatakan 'setiap masa' berbincang mengenai perkara ini. Kajian ini turut mendapati golongan muda yang berumur 30-35 tahun menunjukkan kesedaran yang tinggi terhadap isu-isu semasa serta perkembangan dasar-dasar awam berbanding responden yang berumur lebih muda (National Youth Survey, 2007).

Dzuhailmi et al. (2009) mendapati bahawa ketidakpuasan hati terhadap polisi pemerintah diterjemahkan ke dalam beberapa insiden tunjuk perasaan. Misalnya rusuhan oleh kumpulan Hindraf di ibu kota Kuala Lumpur pada tahun 2008 adalah disebabkan oleh perasaan tidak puas hati kerana kumpulan belia ini merasakan wujud diskriminasi terhadap kumpulan minoriti khususnya kaum India. Selain itu, kejadian perbalahan antara kaum di Kampung Medan pada tahun 2001 juga adalah sebahagian daripada contoh yang tidak sihat melibatkan golongan belia di Malaysia. Kebelakangan ini berlaku beberapa penentangan terhadap dasar sosial kerajaan yang melibatkan generasi muda seperti bantahan terhadap pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971); Pinjaman melalui Tabung Pendidikan Negara (PTPTN); dan perhimpunan BERSIH. Isu yang mendapat liputan meluas di media ini memperlihatkan tanda-tanda bahawa generasi baharu memberi reaksi terhadap perjalanan polisi dan keputusan kerajaan.

Kajian Ahmad Atory dan Malike (2004) mendapati bahawa pemerintahan negara masih gagal dalam mengagihkan kekayaan negara secara adil dalam kalangan rakyat tanpa mengira kaum, agama dan wilayah. Penilaian pada pemboleh ubah spesifik yang dikaji serta melibatkan penjawat awam ini mendapati sebanyak 52.6 peratus responden tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa kerajaan Malaysia hari ini telah berjaya mengagihkan kekayaan negara secara adil tanpa mengira kaum, agama dan wilayah berbanding 47 peratus dalam kalangan responden yang bersetuju. Kajian yang dijalankan antara tahun 2003-2004 ini melibatkan sebahagian besar penjawat awam yang telah berkhidmat kurang daripada enam tahun, yang jika dinilai berdasarkan trend perjawatan tahun semasa berkemungkinan besar sampel responden yang terlibat dalam kajian adalah kumpulan belia.

Analisis rambang ke atas beberapa isu mutakhir kebelakangan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan polisi awam mengundang reaksi dalam kalangan generasi baharu di Malaysia. Persoalan penting yang menjadi fokus utama ialah bagaimanakah generasi baharu melihat perjalanan polisi kerajaan? Ahmad Atory (2008) merumuskan bahawa kajian polisi di Malaysia lebih bersifat deskriptif, berpaksikan sejarah dan sebab-akibat, selain jarang bersifat holistik, iaitu lebih terpusat kepada bidang tertentu. Beliau mengambil contoh seperti polisi ekonomi yang hanya dilihat dari perspektif ekonomi, polisi pendidikan dilihat dari perspektif politik, begitu juga dengan polisi-polisi lain seperti polisi sosial, sains, alam sekitar dan sebagainya. Walau bagaimanapun, minat pengkaji dalam kajian tentang polisi awam, khususnya dasar yang berkaitan sosial negara adalah berbagai-bagai. Kecenderungan pengkaji berbeza antara satu sama lain. Sesetengah pengkaji menilai penggubalan polisi itu sendiri, manakala yang lainnya mengkaji kesan pelaksanaan sesuatu polisi. Sehubungan itu, kajian ini menjuruskan perbincangan kepada reaksi generasi muda terhadap polisi kerajaan Malaysia yang berkaitan dengan integrasi nasional.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Data dikutip dengan menggunakan borang soal selidik yang diurus tadbir sendiri oleh responden. Pensampelan rawak mudah digunakan dalam memilih responden dengan melibatkan seramai 600 orang belia. Kajian ini melibatkan dua kategori belia, iaitu pelajar sekolah menengah dan pelajar institusi pengajian tinggi yang terletak di sekitar kawasan Lembah Kelang. Pemilihan sampel dilakukan dengan mengambil kira faktor geografi seperti lokasi institusi pengajian selain etnik dan jantina. Kajian lapangan dilakukan selama enam bulan, iaitu antara bulan Oktober 2010 hingga Mac 2011. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Skor min dan sisihan piawai digunakan bagi mengukur sejauh mana pengamalan polisi nasional adil pada pandangan belia pelbagai kaum. Ujian t-bebas dan ANOVA-sehala turut digunakan bagi melihat sama ada terdapat perbezaan pandangan yang signifikan terhadap keadilan polisi nasional berdasarkan beberapa pemboleh ubah demografi terpilih.

Hasil kajian dan perbincangan

Profil responden

Profil responden yang terpilih diterangkan mengikut ciri demografi khususnya jantina, umur, etnik, agama dan latar belakang sosioekonomi seperti tempat dibesarkan dan tahap pendidikan ibu bapa. Daripada jumlah keseluruhan, 40.2 peratus responden yang terlibat dengan kajian ini adalah golongan lelaki manakala selebihnya (59.8%) adalah perempuan. Kumpulan responden juga dibahagikan kepada dua kategori belia mengikut kumpulan umur. Majoriti responden (52.5%) adalah belia tahap awal dan selebihnya (47.5%) dalam kumpulan belia tahap pertengahan. Dari segi etnik, peratusan sampel dalam kalangan Bumiputera dan Bukan Bumiputera hampir seimbang, iaitu 58.0 peratus Bumiputera dan 42.0 peratus Bukan Bumiputera. Responden yang beragama Islam merupakan kumpulan majoriti (58.0%), diikuti oleh penganut agama Buddha (19.7%), agama Hindu (10.3%), agama Kristian (9.0%) dan lain-lain

(3.0%). Dari segi tempat belia dibesarkan, 55.3 peratus responden dibesarkan di kawasan bandar manakala 44.7 peratus lagi dibesarkan di kawasan luar bandar. Sementara itu, latar belakang pendidikan ibu bapa responden menunjukkan majoriti ibu bapa mereka memiliki latar belakang pendidikan di peringkat menengah. Jadual 1 meringkaskan tentang dapatan profil responden.

Jadual 1. Profil responden (n=600)

Latar belakang	Peratus
Jantina	
Lelaki	40.2
Perempuan	59.8
Umur	
Belia awal (14-19 tahun)	52.5
Belia pertengahan (20-25)	47.5
Etnik	
Bumiputera	58.0
Bukan Bumiputera	42.0
Agama	
Islam	58.0
Buddha	19.7
Hindu	10.3
Kristian	9.0
Lain-lain	3.0
Tempat dibesarkan	
Bandar	55.3
Luar bandar	44.7
Pendidikan tertinggi ibu	
Pendidikan tinggi	16.9
Pendidikan menengah	61.5
Pendidikan rendah	21.6
Pendidikan tertinggi bapa	
Pendidikan tinggi	23.8
Pendidikan menengah	57.3
Pendidikan rendah	18.9

Persepsi belia terhadap keadilan polisi nasional

Tahap persepsi responden terhadap keadilan polisi diukur menggunakan Skala Likert, (5) Sangat Tidak Setuju, (4) Tidak Setuju, 3 (Tidak Pasti), (2) Setuju dan (1) Sangat Setuju. Tahap persepsi ini seterusnya dibahagikan kepada rendah, sederhana dan tinggi melalui skor min setiap pemboleh ubah keadilan polisi yang diukur seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2. Tahap persepsi belia terhadap keadilan polisi

Tahap Persepsi	Min
Rendah	1.00-2.33
Sederhana	2.34-3.66
Tinggi	3.67-5.00
<i>Skala maksimum – skala minimum</i>	
<i>3 selang kelas = 1.33</i>	

Sebanyak 10 item soalan berkaitan keadilan polisi telah diajukan kepada responden. Analisis deskriptif mendapati bahawa majoriti responden memberikan respon yang positif terhadap pengamalan polisi nasional yang adil (Jadual 3). Sembilan item positif keadilan polisi yang diukur menunjukkan skor min yang tinggi, iaitu antara 3.67 dan 5.00. Respon positif responden terhadap keadilan polisi turut dibuktikan dengan skor min yang rendah (1.00-2.33) pada item negatif, iaitu “Dasar kerajaan memastikan jurang ekonomi antara etnik tidak ketara” [$M=1.9867$]. Majoriti responden telah menyangkal pernyataan tentang ketiadaan komitmen dalam dasar kerajaan ke arah mengurangkan jurang ekonomi antara etnik.

Dapatan kajian dilihat konsisten dengan kajian oleh Mohd Fuad dan Junaidi (2012) yang menunjukkan belia berharap supaya keperluan mereka dipenuhi dari semua aspek terutama aspek ekonomi, sosial, kerohanian serta kebebasan bersuara dan berpolitik. Kajian mereka mengenai pandangan belia terhadap pembangunan sosioekonomi di kawasan parlimen terpilih Kuala Lumpur mendapati belia menyokong aspirasi kerajaan dan sebahagian besar responden menghayati gagasan 1Malaysia, pentadbiran Perdana Menteri Dato’ Seri Najib Tun Razak. Kajian lepas juga menunjukkan persepsi positif terhadap dasar-dasar yang diamalkan kerajaan turut diakui dalam kalangan belia minoriti India di Malaysia yang merupakan lapan peratus daripada jumlah penduduk Malaysia seramai 28 juta (Sarjit et al., 2011).

Dalam konteks kajian ini, pengamalan polisi nasional yang adil telah pun dan sedang dirasai dalam kalangan generasi muda. Majoriti responden mengakui peluang yang adil disediakan oleh kerajaan kepada masyarakat pelbagai etnik di Malaysia terutama dalam kalangan generasi belia. Keadilan polisi dan praktiknya memang diakui sebagai penyebab kepada kewujudan integrasi nasional sesebuah negara. Justeru itu, tahap persetujuan tinggi yang ditunjukkan dalam kalangan responden terhadap pengamalan polisi nasional turut menterjemahkan suasana harmoni dalam hubungan *inter-ethnic* yang sedang berlaku dalam masyarakat Malaysia hari ini. Jadual 3 meringkaskan dapatan persepsi keseluruhan responden terhadap keadilan polisi nasional.

Jadual 3. Taburan min dan sisihan piawai persepsi belia terhadap keadilan polisi (n=600)

Bil.	Pemboleh ubah	Min	Sisihan Piawai
1.	Pembangunan dinikmati oleh semua lapisan masyarakat berbilang etnik	4.19	.898
2.	Pemberian biasiswa seharusnya mengikut merit	3.78	1.131
3.	Dasar-dasar RMK-10 adil untuk meningkatkan sosioekonomi negara	4.03	.854
4.	Malaysia menyediakan peluang secara adil kepada semua etnik	4.06	1.030
5.	Pengagihan kekayaan adalah adil dalam kalangan semua etnik	3.90	1.044
6.	Peluang pekerjaan adalah terjamin di negara ini untuk semua etnik	3.89	1.026
7.	Semua keperluan asas dipenuhi tanpa mengira etnik	4.18	.930
8.	Dasar kerajaan mengurangkan jurang ekonomi antara etnik tidak ketara**	1.99	.914
9.	Program kerajaan menggalakkan penglibatan pelbagai etnik	4.17	.872
10.	Perundangan negara tidak memihak mana-mana etnik	4.06	.967

**item negatif

Analisis persepsi responden mengikut kategori umur mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pandangan belia tahap awal dengan belia tahap pertengahan terhadap keadilan polisi nasional. Belia tahap pertengahan [$M=3.8821$, $S.P=.46390$] memberi persepsi yang lebih positif terhadap keadilan polisi dari segi praktisnya berbanding belia tahap awal [$M=3.7727$, $S.P=.51415$; $t(600)=-2.726$, $p=.005$]. Oleh kerana belia tahap pertengahan yang dikaji adalah dalam kalangan pelajar IPT, pengkaji melihat kemungkinan faktor persaingan etnik dalam persekitaran terbuka telah memberi peluang yang sangat baik dalam kalangan mereka untuk menganalisis sejauh mana praktis keadilan polisi kerajaan berbanding belia tahap awal yang memiliki peluang yang lebih terhad. Kajian lepas menunjukkan bahawa belia tahap awal (15-19 tahun) adalah berbeza dari segi tahap perkembangan emosi, pengetahuan, perkembangan minda dan kematangan cara berfikir dengan golongan belia tahap pertengahan yang berumur 20 hingga 25 tahun (Mohammad Rezal et al., 2009). Justeru itu, hubungan keadilan polisi awam ke arah integrasi nasional

dalam kajian ini menunjukkan persepsi yang lebih rasional dalam kalangan belia tahap pertengahan banyak disebabkan oleh set kelebihan yang ada dalam kalangan mereka.

Analisis lanjut bagaimanapun mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi responden terhadap keadilan polisi dari segi praktis dengan faktor etnik, iaitu Bumiputera [$M=3.8557$, $S.P=.43539$] dan bukan Bumiputera [$M=3.7817$, $S.P=.56221$; $t(600)=1.816$, $p=.070$] serta tempat tinggal di mana responden dibesarkan, iaitu di bandar [$M=3.8033$, $S.P=.53727$] dan luar bandar [$M=3.8511$, $S.P=.43287$; $t(600)=-1.180$, $p=.239$]. Ini menunjukkan bahawa secara praktisnya keadilan polisi adalah merentas etnik. Hal ini menyokong usaha ke arah pemantapan integrasi nasional. Jelas di sini bahawa polisi awam yang dilaksanakan oleh kerajaan mengambil kira kepentingan masyarakat mengikut kategori etnik dan tempat tinggal di mana belia berkenaan dibesarkan.

Ahmad Atory (2009) mendefinisikan polisi yang bermasalah adalah sebagai satu kondisi atau situasi yang mengeluarkan keperluan atau ketidakpuasan di pihak sebahagian orang yang mana pembetulan atau penjelasan diperlukan. Dalam konteks kajian ini, analisis perbandingan menggunakan ujian t-bebas merentas faktor demografi memperlihatkan responden secara positif mengakui bahawa keadilan polisi tidak dilihat hanya sebagai bayangan proses ke arah integrasi nasional tetapi diterjemahkan secara praktis dengan baik dalam kalangan etnik. Jadual 4 merumuskan dapatan tentang persepsi responden terhadap keadilan polisi ke arah integrasi nasional berdasarkan faktor demografi dan geografi terpilih.

Jadual 4. Perbezaan persepsi terhadap keadilan polisi mengikut faktor terpilih (n=600)

Profil	n	Min	S.P	t	p	
Umur	Belia tahap awal	315	3.7727	.51415	-2.726	.005
	Belia tahap pertengahan	285	3.8821	.46390		
Etnik	Bumiputera	348	3.8557	.43539	1.816	.070
	Bukan Bumiputera	252	3.7817	.56221		
Tempat dibesarkan	Bandar	332	3.8033	.53727	-1.180	.239
	Luar bandar	268	3.8511	.43287		

Ujian ANOVA-sehala turut digunakan bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan tentang persepsi responden terhadap keadilan polisi ke arah integrasi nasional berdasarkan profil latar belakang pendidikan ibu bapa mengikut kategori pendidikan tinggi, menengah dan rendah. Analisis mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi responden pada ketiga-ketiga kategori pendidikan, sama ada berdasarkan latar belakang pendidikan ibu [$F(600)=1.105$, $p>.05$] ataupun bapa [$F(600)= 1.253$, $p>.05$]. Ini bermaksud perbezaan latar belakang pendidikan ibu bapa di semua peringkat, sama sekali tidak mempengaruhi perbezaan pola persepsi responden terhadap praktis keadilan polisi ke arah integrasi nasional. Jadual 5 meringkaskan dapatan tentang persepsi responden terhadap keadilan polisi ke arah integrasi nasional berdasarkan perbezaan latar belakang pendidikan ibu bapa.

Jadual 5. Perbezaan persepsi terhadap keadilan polisi mengikut latar belakang pendidikan ibu bapa (n=600)

Profil	n	Min	S.P	F	p	
Pendidikan ibu	Pendidikan tinggi	101	3.8386	.47370	1.105	.332
	Pendidikan menengah	368	3.8019	.51535		
	Pendidikan rendah	129	3.8752	.44512		
Pendidikan bapa	Pendidikan tinggi	141	3.8461	.44232	1.253	.287
	Pendidikan menengah	340	3.7944	.53436		
	Pendidikan rendah	112	3.8714	.42879		

Perkaitan latar belakang pendidikan ibu bapa dengan pola persepsi responden

Jadual 6 memaparkan dapatan korelasi Pearson yang dilakukan untuk memahami hubungan antara pemboleh ubah pendidikan ibu bapa dengan pola persepsi responden terhadap keadilan polisi ke arah integrasi nasional. Analisis menunjukkan tiada perkaitan yang signifikan antara latar belakang pendidikan ibu bapa ($p > .05$) dengan pola persepsi responden terhadap keadilan polisi ke arah integrasi nasional. Dapatan juga bermaksud kecenderungan responden untuk menilai secara positif atau sebaliknya tentang keadilan polisi dari segi praktis ke arah integrasi nasional dan ia tidak mempunyai perkaitan langsung dengan latar belakang pendidikan ibu bapa mereka.

Jadual 6. Perkaitan faktor latar belakang pendidikan ibu bapa dengan persepsi responden

Faktor Pendidikan Ibu Bapa	<i>r</i>	<i>p</i>
Pendidikan ibu	.028**	.493
Pendidikan bapa	.011**	.788

**Perkaitan signifikan pada aras keertian $< .05$

Sehubungan dengan penemuan di atas, Barbara (1996) menyatakan terdapat empat tahap yang berasingan dalam sesuatu proses meletakkan atau memulakan agenda sama ada menyokong atau menentang sesuatu isu yang dalam kajian ini adalah keadilan polisi ke arah integrasi nasional. Keempat-empat tahap tersebut ialah pengiktirafan isu, penerapan isu, keutamaan isu dan penyelenggaraan isu. Belia di Malaysia, di sebalik tentangan yang ditunjukkan oleh segolongan belia, rata-rata golongan muda boleh dikatakan berada pada tahap matang. Mereka telah berupaya meletakkan keutamaan dan menyelenggara isu dengan baik. Isu ketidakadilan polisi ke arah integrasi nasional hanyalah sebahagian kecil daripada pelbagai isu tentang belia di negara ini.

Kesimpulan

Pengukuran keadilan polisi sangat subjektif, relatif kepada isu yang dibincangkan. Dalam konteks kajian ini, keadilan polisi dari perspektif responden dikaitkan secara relatif dengan isu integrasi nasional. Hasil kajian menunjukkan bahawa persepsi yang positif ditunjukkan oleh belia di Malaysia ke atas praktis keadilan polisi kerajaan ke arah integrasi nasional. Kajian ini juga mendapati sekurang-kurangnya dua perkara menyokong pandangan positif tersebut. Pertama, belia mempunyai maklumat yang betul mengenai polisi nasional. Kedua, keadilan polisi negara ke arah kewujudan integrasi etnik sememangnya dirasai dalam kalangan mereka. Keadilan polisi ke arah integrasi nasional turut diyakini mempunyai pertalian dengan agenda pemikiran belia. Penilaian secara rasional pada setiap tahap menghasilkan persepsi yang positif terhadap keadilan polisi ke arah integrasi nasional merentas profil sosio-demografi responden. Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan pelaksanaan polisi ke arah integrasi nasional di Malaysia boleh dianggap adil serta memuaskan dari kaca mata kumpulan belia di negara ini.

Rujukan

- Ahmad Atory H (1998) *Reformasi pentadbiran awam di Malaysia*. Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur.
- Ahmad Atory H (2008) *Pembentukan polisi awam: Ke arah pemahaman yang lebih sistematik dan analisis*. Utusan Publications & Distributors.

- Ahmad Atory H, Malike B (2004) Politik pentadbiran di Malaysia: Penilaian pegawai awam terhadap Dasar Politik dan kepimpinan nasional. [Cited 17 April 2012]. Available from: http://www.fppsm.utm.my%2Fdownload%2Fdoc_download%2F63-politik-pentadbiran-di-malaysia-penilaian-pegawai-awam-terhadap-dasar-politik-a-kepimpinan-nasion.html.
- Anderson EJ (2000) *Public policy making*. Preager Publishers, New York.
- Asnarulkhadi AS (2009) Kelompangan Dasar Belia Negara - Menyangga potensi belia menerusi pendekatan transformasi konflik. *Malaysian Journal of Youth Studies* 1, 1-22.
- Barbara JN (1996) Public Policy and Administration: An Overview. In: Robert E. Goodin and Hans-Dieter Klingemann, Eds. *A New Handbook of Political Science*. New York: Oxford U.P., 551-592.
- Dzuhailmi D, Nobaya A, Nor Azliza Wanis A, Md. Salleh H, Jamilah O, Mariah M (2009) Implikasi Keterlibatan Audien Belia dengan Kempen Perpaduan di Televisyen: Perbandingan Belia Melayu dan Bukan Melayu. *Malaysian Journal of Youth Studies* 1, 23-41.
- Dzuhailmi D, Nobaya A, Md. Salleh H, Mariah M, Jamilah O, Nor Azliza Wanis A (2011) Cabaran 1Malaysia dan realiti keterlibatan belia dengan kempen perpaduan. In: Haslinda A, Sarjit SG, Ismi Arif I, Turiman S, Nobaya A, Dzuhailmi D (eds) *Belia pewaris 1Malaysia*. Penerbit UPM, Serdang.
- Easton D (1957) An Approach to the Analysis of Political Systems. *World Politics*, 9(3), 383-400.
- Malaysia (2013) *Penyiasatan Tenaga Buruh*. Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Malaysia (2006) *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Unit Perancang Ekonomi. Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- National Youth Survey (2007) *Perspective on civic participation and attitudes towards democracy, governance and political participation*. The Merdeka Center for Opinion Research.
- Mohammad Rezal H, Dzuhailmi D, Siti Raba'ah H, Turiman S, Ismi Arif I, Azimi H, Ezhar T, Wan Mahzom AS (2009) Latihan jaringan sosial: Perbandingan antara kategori pemuda awal dan pemuda pertengahan di Malaysia. *Jurnal Ilmu-ilmu Sosial* 10(2), 215-224.
- Mohd Fuad J, Junaidi AB (2012) Pembangunan sosioekonomi dan pandangan belia terhadap isu semasa di Kawasan Parlimen Batu, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. *Malaysia Journal of Society and Space* 8(2), 67-76.
- Mohd Jamil M (1994) *Dasar Belia Negara: Satu tinjauan*. Majlis Belia Malaysia, Kuala Lumpur.
- Richard A, Peggy B, Musgrave (1973) *Public finance in theory and practice*. McGraw Hill.
- Robert E (1971) *The threads of public policy: A study in policy leadership*. The Bobbs-Merill Co. Inc.
- Sarjit SG, Jayum AJ, Nobaya A, Ahmad Tarmizi T, Ma'rof R, Haslinda A, Lee YF, Mohd Roslan R, Charanjit K, Mohd Razali H (2011) Persepsi dan penerimaan belia minoriti terhadap parti pemerintah. Kertas yang telah dibentangkan di Conference on Election and Democracy in Malaysia 2011, UNIMAS, 9-10 Nov 2011.
- Thomas RD (2007) *Understanding public policy*. 12th Edition. Prentice Hall.
- Utusan Malaysia (2014) *Had umur belia 15-30 tahun bermula 2018, percepat proses 'keremajaan' pimpinan negara*. 18 Nov 2014.
- Yusof I, Khayati I (2003) *Dasar-dasar Kerajaan Malaysia: Tinjauan menyeluruh*. A.S. Noordeen, Kuala Lumpur.